

Personaliti • Aktiviti • Penulisan Santai • Pencapaian Staf • Umum

BULETIN iKOM

Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi iKOM



16

Majlis Mesra
Staf iKOM



14

Bengkel Peningkatan
Profesionalisme dan
Perancangan Strategik
2014 Serta Majlis Tautan
Kasih Keluarga Staf iKOM



46

Kembara
Merentas Benua

ISBN 978-967-5415-65-4



9 789675 415654

Kandungan

Sekalung bicara, setitis Tinta: Dekan iKOM	4
Seuntai kata, secangkir bicara: Ketua Editor	5
Personaliti	6
• Personaliti Pilihan Akademik: Prof. Madya Dr. Zaliman Sauli	6
• Personaliti Pilihan Pentadbiran: Nor Hazliza Ibrahim	10
• PhD Mematangkan: Dr. Hanif Suhairi Abu Bakar	11
Aktiviti	14
• Bengkel Peningkatan Profesionalisme dan Perancangan Strategik 2014 serta Majlis Tautan Kasih Keluarga Staf iKOM	14
• Majlis Mesra Staf	16
• Majlis Berbuka Puasa iKOM Bersama Anak-Anak Yatim	17
• Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri iKOM	18
• Pertandingan Nasyid	18
• Minggu Suai Kenal Pelajar	19
• Hari Bersama iKOM	19
• 2 nd IMT-GT Regional Convention on Drug, Substance and Alcohol Abuse among Tertiary Institutions 2014	20
Penulisan Santai	23
• Sukan: LAPAN Kriteria untuk diambil Kira	23
• Bahagia di Tempat Kerja dan Adab Bersosial	25
• Riwayat Hidup Ibn Kathir	26
• Senyum Sebagai Satu Budaya	27
• Ilmu dan Amalan: Kunci ke Syurga	28
• Kepentingan Kaunseling dalam Sesebuah Organisasi	30
Pencapaian Staf	32
• Pencapaian, Penyelidikan, Prosiding dan Penerbitan	32
Umum	52
• Apa Kata Pelajar iKOM?	52
• Setinggi tinggi Tahniah!	53
• Sekitar Aktiviti Dekan 2013: Kembara Merentas Benua	54

Pegawai Utama UniMAP

Naib Canselor

Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin

Timbalan Naib Canselor

(Akademik dan Antarabangsa)

Dato' Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

Prof. Dr. Abdul Hamid Adom

Timbalan Naib Canselor

(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

Prof. Madya Dr. Mohd. Fo'ad Sakdan

Pendaftar

Encik Zuber Hj. Mohamad

Bendahari

Puan Saodah Hassan

Pustakawan Kanan

Puan Mazmin Mat Akhir

Sidang Redaksi Euforia



DR. H.J. HUZILI HUSSIN
PENASIHAT 1



DR. SHUHAIRIMI ABDULLAH
PENASIHAT 2



SUZANA SULAIMAN
KETUA EDITOR



NUR SALIMAH ALIAS
PENOLONG KETUA EDITOR



NOOR ZEITA OTHMAN
EDITOR



MASTURA MAHAMED
EDITOR



AZIZAH ABDULLAH
EDITOR



NUR AZILA AZAHARI
EDITOR



WAN NOR ASHIQIN WAN ALI
EDITOR



RUHIL AMAL RAZALI
EDITOR



EDZAM ARMIN ABDUL RAHIM
EDITOR

Staf-Staf iKOM



STAF AKADEMIK

Profesor. Madya. Dr. Hj. Huzili Hussin
 Dr. Hanif Suhairi Abu Bakar
 Dr. Shuhairimi Abdullah
 Dr. Hanum Hassan
 En. Hassad Hassan
 Pn. Adila Ismail
 Pn. Siti Norayu Mohd. Basir
 Cik Nur Salimah Binti Alias
 Prof. Abd Majid Mohd Isa
 Prof. Dr. Asiah Sarji
 Datin Paduka Prof. Datuk Dr. Hj. Ramlah Adam
 Prof. Dr. Rosnah Ismail
 Prof. Dr. Salleh Abd. Rashid
 Prof. Madya Abdul Aziz Mahmuddin
 Prof. Madya Mohamed Murray Hunter
 Prof. Madya Dr. Azizan Bahari
 Prof. Madya Razli Ahmad
 Profesor Madya. Hj. Nor Azmi Hj. Johari
 Dr. Lt. Abdul Jalil Ramli
 Dr. Amani Ali
 Dr. Syed Zulkarnain Syed Idrus
 Pn. Junainor Hassan
 En. Maskor Bajuri
 Pn. Nor Azizah Hitam
 En. Mohammad Izmer Yusof
 En. Edzham Armin Abdul Rahim
 Pn. Suzana Sulaiman
 En. Ruhil Amal Razali
 Pn. Noormaizatul Akmar Ishak
 En. Mohd Kasturi Nor Abd Aziz

Pn. Nur Azila Azahari
 Cik Zainab Nazar Khalil Wafi
 En. Jamsari Jamaluddin
 En. Ameer Fuhaili Mohamad Hashim
 En. Tengku Kastriafuddin Shah Tengku Yaakob
 En. Mohd Izwan Izhar Haris
 Pn. Suhana Abdul Mutalib
 Pn. Nor Syamimi Mohamed Adnan
 Pn. Azizah Abdullah
 Pn. Nor Hudi'in Danu@Dadoo
 Pn. Noor Salwani Hussin

STAF PENTADBIRAN

Pn. Noor Zeita binti Othman
 Pn. Nor Hazliza Ibrahim
 Pn. Ropidah Ahmad
 En. Rosman Ramli
 Pn. Norain Abdullah
 Pn. Suriani Ismail
 En. Mohd Abul Fathi Zaiyadi Hussain
 En. Roseffandi Darus

STAF PUSAT KAUNSELING

Pn. Wan Saniah Wan Yahya
 Pn. Nur Aimi Muslim
 Pn. Norazleen Hussin
 Pn. Azieda Azizan
 Pn. Shahrulni Liza Husin

STAF UniMAP FM

Cik Marzura Mat Arid
 En. Mohd Nazaruddin Majid
 En. Tengku Mohd Fadli Tengku Hamzah
 Pn. Hasmira Hashim

SLAB

Cik Wan Nor Ashiqin Wan Ali

STAFF YANG CUTI BELAJAR

En. Ahmad Fahmi Mahmood
 En. Mohammad Rezal Hamzah
 Pn. Nor'izah Ahmad

PROFESOR ADJUNG PTKPI

Datuk Dr. Shamsul Amri Bin Baharuddin
 Ybhg. Dato' Mohamad Zabidi Bin Zainal
 Dato' Dr. Ismail Alias

STAFF YANG DIPINJAMKAN KE KOLEJ UNIVERSITI ISLAM PERLIS

Dr. Mohd Mizan Mohammad Aslam



Sekalung Bicara, Setitis Tinta **DEKAN iKOM**

Assalamualaikum & Salam 1 Malaysia

Segala puji ke hadrat ALLAH S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya dapat lagi saya coretkan sedikit bicara dalam penerbitan iKOM edisi kedua. Tahniah saya ucapkan kepada warga redaksi iKOM kerana berjaya meneruskan usaha dan semangat bagi menjayakan keluaran edisi kedua majalah iKOM ini. Apabila menyentuh tentang semangat dan usaha, itulah elemen yang paling saya harapkan daripada kesemua staf saya terutama sekali untuk mendepani era transformasi Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan (PTKPI) kepada sebuah pusat pengajian yang diberi nama Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi atau lebih dikenali sebagai iKOM.

Penubuhan iKOM menunjukkan kita sebenarnya sedang berkembang ke arah yang cukup positif sekali. Kepercayaan yang diberikan oleh pengurusan tertinggi UniMAP untuk menjadikan iKOM sebagai salah sebuah pusat pengajian di UniMAP tidak harus dipandang ringan. Ia adalah seiring dengan usaha untuk meletakkan UniMAP di antara 500 universiti terbaik dunia dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan. Oleh itu, saya menyeru kepada semua warga kerja iKOM untuk sama-sama bergerak seiring dengan objektif ini seterusnya dapat memberi sumbangan kepada perkembangan UniMAP dan iKOM itu sendiri.

Sebagai penghias penutup bicara, saya hiasi dengan sedikit pesanan sebagai mana hadis yang diriwayatkan Muslim sabda Rasulullah SAW: *“Orang mukmin yang kuat lebih baik di sisi Allah dan lebih dikasihi daripada orang mukmin yang lemah, sedangkan setiap seorang itu mempunyai kebaikannya (imannya); oleh itu hendaklah engkau bersungguh-sungguh berusaha memperoleh apa yang memberi manfaat kepadamu, serta hendaklah meminta pertolongan kepada Allah dan janganlah engkau bersikap segan dan malas; dan sekiranya engkau ditimpa sesuatu maka janganlah engkau berkata: “Kalaulah aku lakukan itu ini, tentulah akan terjadi begitu begini, tetapi katalah: “Allah telah takdirkan, dan apa yang dikehendaki oleh kebijaksanaan-Nya Ia lakukan, kerana perkataan ‘kalau’ itu membuka jalan kepada hasutan syaitan.”* Justeru, marilah kita sama-sama meningkatkan usaha dalam setiap perkara yang kita inginkan di dalam kehidupan ini.

Sekian, wassalam.

Dr. Hj. Huzili Hussin

Dekan,
Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan
Teknokomunikasi
Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)

Assalamualaikum dan selamat sejahtera.

Setinggi-tinggi kesyukuran dirafa'kan ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan izin-Nya majalah Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (iKOM) edisi ke-2 yang juga dinamakan 'iKOM' ini berjaya diterbitkan. Kegembiraan dan keriangannya yang dibawa menerusi majalah iKOM ini diharapkan dapat menjadi santapan minda semua pembacanya.

Jutaan tahniah diucapkan kepada semua warga Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (iKOM) atau dahulunya dikenali sebagai Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan (PTKPI) atas usaha keras dalam memastikan Pusat Pengajian ini semakin berkembang maju ke hadapan.

Tahniah dan terima kasih diucapkan kepada Sidang Redaksi atas semangat dan usaha yang jitu dalam menerbitkan Majalah iKOM Edisi ke-2 ini. Justeru, saya percaya melalui informasi yang dipaparkan dalam majalah ini, iKOM telah melangkah jauh ke hadapan dengan pengisian pelbagai aktiviti dan program yang dapat dikongsi serta disumbangkan demi kebaikan bersama.

Semoga Majalah iKOM Edisi ke-2 2014 ini dapat mengetengahkan iKOM sebagai salah satu Pusat Pengajian baharu yang mampu bergerak maju seiring dengan pusat pengajian lain. Harapan saya semoga warga iKOM sentiasa memastikan peningkatan kualiti bahan penerbitan dari semasa ke semasa demi kepuasan para pembaca Majalah iKOM.

Seuntai Kata, Secangkir Bicara **KETUA EDITOR**



Ramuan basah berpalit lada,
Jemuran kemili hamparan berhari;
Lakaran kisah santapan minda,
iKOM kembali membawa seri.

Suzana Sulaiman
Ketua Editor

Personaliti Pilihan Akademik

Prof. Madya Dr.
Zaliman Sauli



Oleh: Wan Nor Ashiqin Wan Ali

Prof. Madya Dr. Zaliman Sauli merupakan Dekan kedua Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (iKOM) yang menghiasi ruangan personaliti pilihan akademik kali ini. Beliau merupakan salah seorang wajah penting dalam pembangunan dan kejayaan iKOM yang dahulunya dikenali sebagai Pusat Teknologi Komunikasi dan Pembangunan Insan (PTKPI). Susulan itu, sidang redaksi iKOM mendapatkan pandangan beliau yang kini merupakan Pengarah Pusat Ko-Kurikulum UniMAP. Berikut merupakan serba sedikit latar belakang dan perjalanan hidup beliau sepanjang berkecimpung di dalam bidang akademik:

Nama:	Zaliman bin Sauli (Prof. Madya Dr.)
Umur:	47 tahun
Tarikh Lahir:	9 September 1967
Negeri Kelahiran:	Kota Bharu, Kelantan
Keluarga:	Isteri dan tiga orang anak (2 lelaki dan seorang perempuan)
Pendidikan:	Sek. Ren. Ayer Lanas, Kelantan Sek. Men. Keb. Ayer Lanas, Kelantan Sek. Men. Keb. Ismail Petra, Kelantan B.Sc (Physics), Universiti Teknologi Malaysia M.Sc (Advance Semiconductor Materials and Devices), University of Surrey, United Kingdom PhD (Microelectronics), UniMAP
Kepakaran Bidang Akademik	i. Wafer Fabrication Process Technologies ii. Device Characterization, Parametric and Functional Testing iii. Failure Analysis, Wafer and Package Level Reliability iv. Front-end and Back-end Integrated Circuits (IC) Design v. Micro Electro Mechanical Systems (MEMS) Technologies vi. Solid State and Theoretical Physics

Personaliti • Aktiviti • Penulisan Santai • Pencapaian Staf • Umum

Ikuti temu bual wartawan iKOM, Wan Nor Ashiqin bersama Prof. Madya Dr. Zaliman.

S: Setelah tamat Sarjana Muda Sains (Fizik) di Universiti Teknologi Malaysia (UTM), adakah PM Dr. Zaliman terus melangkah ke alam pekerjaan atau menyambung pengajian ke peringkat Sarjana?

J: Setelah tamat Sarjana Muda, saya telah berkhidmat di MIMOS Sdn. Bhd. pada tahun 1992 sebagai Pegawai Penyelidik. Setelah setahun bekerja, saya diberikan peluang untuk melanjutkan pengajian di peringkat Master dibawah tajaan ASIAN Development Bank. Kerjaya saya bermula dan berkembang di MIMOS. Daripada berkhidmat sebagai Pegawai Penyelidik, saya dinaikan pangkat sebagai Jurutera Kanan dan akhirnya dilantik sebagai Pengurus Produk (Bahagian Teknologi Semikonduktor). Keseluruhan perjalanan kerjaya saya sebelum berkecimpung dalam bidang akademik telah digilap di MIMOS. Pengalaman bekerja di MIMOS banyak memberi manfaat dan ilmu yang tidak terhitung kepada saya.

S: Apakah pendorong kepada keputusan PM Dr. Zaliman untuk menukar bidang pekerjaan daripada bidang industri kepada bidang akademik?

J: Setelah berkhidmat hampir 10 tahun di dalam bidang industri (MIMOS), saya mengambil keputusan untuk berkhidmat dalam bidang akademik. Ini adalah kerana saya berhasrat untuk berkongsi pengalaman dan ilmu yang saya ada kepada generasi muda yang bakal memajukan negara kelak. Saya tidak pernah menyesal dengan keputusan saya ini walaupun saya terpaksa meletak jawatan sebagai Pengurus Latihan



Majlis anugerah pangkat Pegawai Kadet kepada 25 orang ahli Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan upacara pemakaian 'Hackel' pada 151 orang kadet di Lapangasar Intan Shafinaz, Universiti Utara Malaysia (UUM). Majlis telah disempurnakan oleh Naib Canselor UniMAP, Brig. Jen. Datuk Prof Dr Kamarudin Hussin yang diiringi oleh PM Dr. Zaliman Sauli selaku Timbalan Komandan PALAPES (19 Oktober 2013).

Perkhidmatan. Sepanjang bekerja di bidang industri, saya mendapati saya sukar berkongsi ilmu dan pengalaman kepada pihak lain memandangkan prinsip dan polisi industri yang kebanyakan sulit dan persendirian. Oleh itu, bidang akademik adalah bidang yang paling bersesuaian bagi saya untuk menyampaikan ilmu dan berkongsi pengalaman yang ada. Saya juga dapat membimbing dan mendidik generasi muda untuk lebih berminat terhadap Kejuruteraan Mikroelektronik.

S: Kenapakah UniMAP menjadi pilihan Universiti bagi PM Dr. Zaliman untuk berkhidmat?

J: UniMAP menjadi pilihan saya untuk berkhidmat kerana UniMAP merupakan satu-satunya universiti di Malaysia yang menawarkan kursus Mikroelektronik pada ketika itu. Memandangkan minat, pengalaman serta ilmu saya terhadap Mikroelektronik (Semikonduktor) menjadikan UniMAP pilihan utama saya. Tambahan pula, saya ingin membentuk modal insan bagi bidang mikroelektronik untuk generasi yang mendatang. Justeru, pada masa hadapan akan semakin bertambah generasi yang pakar dalam bidang mikroelektronik.

S: Apakah jawatan yang disandar oleh PM Dr. Zaliman sepanjang berkhidmat di UniMAP?

J: Pada 2003, saya telah dilantik sebagai Professor Madya di Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik. Saya ditugaskan untuk membangunkan program ijazah Kejuruteraan Mikroelektronik, Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Fotonik dan satu program diploma Kejuruteraan Mikroelektronik. Di situ, saya telah



PM Dr. Zaliman Sauli mengiringi Naib Canselor UniMAP, Brig Jen Datuk Prof Dr Kamarudin Hussin di kempen menderma darah oleh seramai 400 anggota Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES) Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) di Dewan Serbaguna Kampus UniMAP Kubang Gajah (21 Oktober 2013).



PM Dr. Zalmayon mengiringi Naib Canselor Prof Datuk Dr. Kamarudin Hussin dalam permetaian Perjanjian Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan Universiti Teknikal Kebangsaan Ukraine (NTUU) yang disaksikan oleh Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalulail, Raja Puan Muda Perlis Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil di kampus NTUU di Kyiv, Ukraine (19 September 2012).

terlibat dalam mewujudkan kursus Kurikulum bagi ijazah Peranti Elektronik, Teknologi Proses Semikonduktor, Kebolehpercayaan dan Analisis Kegagalan, Fabrikasi Mikroelektronik, Teknologi Pembungkusan Teknologi dan Teknologi MEMS. Selaku Penyelenggara Makmal Pengajaran Fabrikasi Semikonduktor, Makmal Ujian dan Ketahanan, Makmal FA, Makmal Litar Bersepadu, Makmal Reka bentuk MEMS. Selain tenaga pengajar di situ, saya terlibat dalam pengajaran kursus Peranti Elektronik, Teknologi Proses Semikonduktor, Fabrikasi Mikroelektronik, Teknologi MEMS, Teknologi Kejuruteraan Elektrik, Analisis Ketahanan dan Kegagalan. Saya juga terlibat dalam menyelia pelajar sarjana muda dan sarjana serta turut dilantik sebagai pemeriksa luar untuk disertasi dan tesis dalaman pascasiswazah.

Manakala pada Jun 2003 sehingga Februari 2005, saya telah dilantik sebagai Dekan Pusat Kemahiran Komunikasi dan Keusahawanan dan ahli Senat Universiti. Pada Mac 2005 sehingga Disember 2005, saya dilantik sebagai Pengarah Pusat Kerjasama Industri dan masih memegang jawatan sebagai Ahli Senat Universiti. Pada Januari 2006 sehingga Disember 2008, saya memegang jawatan sebagai Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik, Timbalan Komandan PALAPES, Ahli Majlis Dekan Kejuruteraan Malaysia, Perunding untuk Program Latihan INSEP bersama dengan PSDC dan SHRDC serta masih memegang jawatan sebagai Ahli Senat Universiti. Saya telah menyambung pengajian di peringkat PhD pada tahun 2009, iaitu setelah tiga tahun berkhidmat sebagai Dekan Pusat Pengajian Kejuruteraan Mikroelektronik. Ini kerana, saya memberi peluang dan ruang untuk staf akademik

saya untuk menyambung pengajian disebabkan saya mempunyai kekangan masa setelah memegang beberapa jawatan di UniMAP. Akan tetapi pada tahun 2009, saya telah memutuskan untuk menyambung PhD di bawah tajaan Skim Latihan Akademik IPTA (SLAI) UniMAP. Selepas Mac 2013, saya kemudiannya dilantik sebagai Pengarah Pusat Ko-Kurikulum Universiti sehingga sekarang.

S: Selaku tenaga pengajar di UniMAP, berapa orang pelajar yang telah diselia PM Dr. Zalmayon?

J: Saya telah menyelia sebanyak enam orang pelajar PhD. Dua orang daripadanya telah tamat pengajian dan empat lagi masih dalam penyeliaan. Manakala untuk pelajar Sarjana, saya menyelia 12 orang pelajar dan 5 orang daripadanya telah tamat pengajian. Untuk pelajar Sarjana Muda pula, saya telah menyelia 19 orang pelajar jurusan Kejuruteraan Mikroelektronik.

Affiliation

- [1] Senior Member of the Institute of Electrical and Electronics Engineers
- [2] (SMIEEE) (40304398)
- [3] Life Member of the Electron Devices Society (EDS)
- [4] Member of the Institution of Engineering and Technology (MIET)
- [5] (79848363)
- [6] Member of the Malaysian Association of Solid State (MASS)
- [7] Member of the Institute of Physics (MInstP) (80036728)
- [8] Member of the Society of Photo-Optical Instrumentation Engineers (SPIE) (3461282)
- [9] Alumni University of Surrey
- [10] Alumni Universiti Teknologi Malaysia
- [11] Alumni Universiti Malaysia Perlis

Anugerah

- [1] Anugerah Khas Perkhidmatan Cemerlang (Excellent Service Special Award), KUKUM, 2003
- [2] Ahli Mahkota Perlis (AMP), 2006
- [3] Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (Excellent Service Award) UniMAP, 2006
- [4] Anugerah Penyelidikan Cemerlang (Excellent Research Award) UniMAP, 2006
- [5] Anugerah Penyelidikan Cemerlang (Excellent Research Award) UniMAP, 2007
- [6] Anugerah Penyelidikan Cemerlang (Excellent Research Award) UniMAP, 2008
- [7] Anugerah Penyelidikan Cemerlang (Excellent Research Award) UniMAP, 2009

- [8] Anugerah Penyelidikan Cemerlang (Excellent Research Award) UniMAP, 2010
- [9] Anugerah Penyelidikan Cemerlang (Excellent Research Award) UniMAP, 2011
- [10] Gold Medal in 17th International Invention Innovation Industrial Design & Technology Exhibition 2006 (ITEX 2006), Kuala Lumpur, *Design and Fabrication of MEMS Heatuator for Automotive Device Applications*
- [11] Bronze Medal in 17th International Invention Innovation Industrial Design & Technology Exhibition 2006 (ITEX 2006), Kuala Lumpur, *Design and Fabrication of MEMS Micro Switch for RF Applications*
- [12] Silver Medal in 35th International Exhibition of Inventions of New Techniques and Products 2007, Geneva, *Microelectromechanical System Heatuator*
- [13] Silver Medal in 18th International Invention Innovation Industrial Design & Technology Exhibition 2007 (ITEX 2007), Kuala Lumpur, *Development of MEMS Manifold Absolute Pressure Sensor (MAPs) Prototype*
- [14] Silver Medal in Ekspo Rekacipta dan Pameran Penyelidikan UniMAP 2007, Perlis, *Ba 1 x SrTiO₃ Thin Film Pressure Sensor*
- [15] Gold Medal in International Trade Fair "Ideas-Inventions-New Products" Nuremberg, Germany, 2008 (IENA 2008), *Development of MEMS Manifold Absolute Pressure Sensor (MAPs)*
- [16] Bronze Medal in Malaysian Technology Expo (MTE) 2009, Kuala Lumpur, *Application Of SnTiO₃ Thin Film Hydrogen Sensor In Water Fuel Cell*
- [17] Gold Medal in 21st International Invention Innovation Industrial Design & Technology Exhibition 2010 (ITEX 2010), Kuala Lumpur, *Optical Face – Contour Analysis*
- [18] JC Bose Memorial Award 2010, The Institution of Electronics and Telecommunication Engineers, India, Best Engineering Oriented Paper titled "A 1.5V, 0.85-13.35 GHz MMIC Low Noise Amplifier Using Optimization Technique", published in IETE Journal of Research
- [19] Silver Medal in Seoul International Invention Fair 2011 (SIIF 2010), Kuala Lumpur, *Optical Face – Contour Analysis*

Perundingan

- [1] Perunding untuk Program INSEP Training Program bersama dengan PSDC dan SHRDC
- [2] Perunding untuk Program Agilent-UniMAP Development
- [3] CDC Asia Pacific Consultancy Sdn Bhd – Molnlycke Health Care





Personaliti Pilihan Pentadbiran

Nor Hazliza Ibrahim

Oleh: Noor Zeita Othman

Nama : Nor Hazliza Ibrahim
 Tarikh Lahir : 8 November 1981
 Tempat Lahir : Permatang Bertam, Kepala Batas,
 Pulau Pinang
 Jawatan : Setiausaha Pejabat
 Bilangan Anak : 2
 Matlamat Hidup : *'The Roughest Road Often Leads to
 the Top'*

Latar Belakang Pendidikan:

Sekolah Rendah: Sek. Keb. Permatang Bertam, Kepala
 Batas, S.P.U, Pulau Pinang
 Sekolah Menengah: Sek. Men. Keb. Datuk Hj. Ahmad
 Badawi, Kepala Batas, S.P.U, Pulau Pinang

Pengalaman Kerja:

UniMAP 2003 – 2014

Anugerah dan Pencapaian:

- 1) Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2007
- 2) Anugerah Pusat Pengajian/Sokongan Akademik
 Cemerlang 2009

Pengalaman 11 Tahun Bersama UniMAP:

- 1) Ahli Kumpulan Tarian Kukum – 2005
- 2) Ahli Kumpulan Koir Unimap – 2006 – 2012
- 3) Pengalaman Bersama Dengan 6 Orang Dekan
 Yang Berbeza Personaliti



PhD Mematangkan

Dr. Hanif Suhairi Abu Bakar



Oleh: Nur Azila Azahari

Pengalaman PHD ini dikongsikan oleh seorang insan yang berada dekat dengan ahli akademik Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (iKOM) sendiri. Beliau adalah Dr. Hanif Suhairi Abu Bakar iaitu Timbalan Dekan Akademik iKOM.

Menceritakan detik permulaan bagi menyambung pengajian, beliau memberitahu bahawa ianya bermula dari sesi-sesi pembentangan kertas persidangan yang mempunyai tema yang beliau begitu selesa dan amat berminat dengannya. Minat beliau terhadap media baru dan tingkah laku sosial di atas talian sejak 1997 membawa kepada topik mengenai komunikasi devian dalam kalangan remaja. Pembentangan kertas kerja pada 2008 merupakan titik tolak permulaan apabila penganjur mencadangkan tajuk tersebut diangkat sebagai tajuk penyelidikan PhD.

Pada peringkat permulaan, momentum untuk memulakannya begitu perlahan memandangkan

keinginan beliau untuk 'berehat panjang' begitu kuat. Walau bagaimanapun beliau bernasib baik mendapat penyelia yang energetik, memahami dan banyak membantu serta sebagai pendorong sepanjang perjalanan pengajian beliau. Penyelia yang menyuntik semangat untuk memulakan penulisan tiga bab pertama atau cadangan penyelidikan. Tahun pertama dihabiskan dengan penyediaan proposal dan audit kelas bagi memantapkan pemahaman terhadap kaedah kajian kuantitatif di mana beliau 'menumpang' kelas pelajar-pelajar sarjana yang rata-rata lebih muda. Penyelia juga tidak jemu 'memaksa' beliau untuk menghadirkan diri ke bengkel-bengkel berkaitan.

Cabaran pertama muncul apabila keputusan '*proposal defense*' beliau adalah '*passed with major correction*' di mana beliau disaran mengubah keseluruhan metodologi daripada kuantitatif kepada kualitatif. Hampir keseluruhan tiga bab pertama terpaksa diubah! Akhirnya, *Grounded Theory* dipilih bagi melihat sesuatu fenomena baru melalui beberapa fasa penyelidikan dan analisis data. '*Back to the*

drawing board' sekali lagi kelas dan bengkel terpaksa ditempuhi. Tiga semester berlalu dengan begitu pantas sekali.

Cabaran seterusnya adalah ketika proses pengumpulan data primer. Empat fasa pengumpulan data diperlukan mengikut kaedah yang dipilih. Mempunyai rakan-rakan yang dikenali ketika menjadi pengerusi rancangan ko-kurikulum dan ketika mengikuti kelas audit banyak membantu. Kaedah kualitatif mengkehendaki soalan-soalan beserta '*probes*' ditanya kepada informan untuk mendapatkan jawapan yang mendalam. Ketika itulah juga (mengikut pengalaman beliau) banjir paling besar melanda negeri Perlis iaitu pada tahun 2010, banyak sekolah ditutup dan proses pengumpulan data tertunda hampir sebulan. Secara keseluruhan, tujuh bulan dihabiskan sehingga ke empat-empat fasa mencapai '*data saturation*'.

Data kualitatif yang diperolehi daripada 105 informan yang terdiri daripada audio yang perlu ditranskrip beserta memo bertulis begitu membebankan dan penyelia pula mencadangkan analisa secara manual di atas kertas A4! Walau bagaimanapun seminggu selepas itu, rezeki datang dalam bentuk perisian Nvivo iaitu perisian menganalisis data kualitatif yang masih baru dalam kalangan penyelidik ketika itu. Proses menganalisis data mengambil masa sehingga enam bulan. Ketika inilah berat badan mula menurun, tidak perlu berlapar atau melakukan senaman. Hanya mengadap komputer dan '*stressed out!*' (Selesai PhD ada yang datang dan menjenguk untuk melihat uban di kepala!). Ketika inilah juga sesi berkurung paling lama 'meninggalkan' isteri dan anak-anak.

Menurut beliau, tesis Phd amat-amat menitik beratkan kesempurnaan. Pada peringkat ini, khidmat pembaca pruf diambil untuk membetulkan bahasa dan kesalahan lain. Kali pertama percubaan menyebabkan beliau kerugian masa selama tiga bulan apabila pembaca pruf yang juga seorang pensyarah 'tertarik untuk melihat isi kandungan', bukan struktur ayat dan kesalahan bahasa. Pembaca pruf juga membuat pembetulan secara bertulis di atas draf tesis dengan dakwat merah! Di sini beliau menasihati supaya carilah pembaca pruf atau editor yang melakukan kerjanya secara sepenuh masa atau dengan kata lain punca pendapatannya bergantung kepada kerja tersebut dan bukannya mereka yang melakukannya secara separuh masa. Pun begitu draf akhir tesis sebanyak empat naskah yang dihantar untuk persediaan viva ditolak akibat masalah tersilap cetak muka surat (secara keseluruhan, lapan naskah draf tesis setebal 300 muka surat senaskah telah ditolak melalui dua sesi penghantaran akibat kesalahan remeh). Beliau

menceritakan, sewaktu menghantar tesis, di kaunter, seorang pelajar Phd antarabangsa semester pertama amat teruja sekali mengucapkan tahniah melihat tesis yang telah siap. Jadi bayangkanlah perasaan diri sendiri ketika itu! (Pengalaman sebelum itu, ketika membuat '*hardbound copies*' dimaklumkan ada calon yang menangis ketika menghantar semula tesis bagi tujuan tersebut. Hakikatnya, itulah PhD!)

Diusulkan dengan pertanyaan mengenai sama ada menyambungkan pelajaran ke luar atau dalam negara, beliau berpendapat ia bergantung kepada banyak faktor. Kepada calon kali pertama ke luar negara mungkin mengambil sedikit masa untuk menyesuaikan diri dengan komunikasi antara budaya (atau teruja untuk makan angin!). Ada kelebihan dan kelemahan tersendiri dan bagi beliau yang menyambung pengajian di universiti berdekatan sebagai satu kemudahan untuk berurusan dengan penyelia walaupun tempoh pengajian telah tamat. Ramai yang lulus dengan cemerlang dan ada juga yang kecundang tidak menghabiskan pengajian tidak kira dari dalam mahupun universiti luar negara. Namun, segala dugaan dan cabaran yang ditempuhi dianggap sebagai pemangkin semangat mencapai objektif yang dicari. Ia adalah asahan kepada diri untuk berjaya.

Ditanya mengenai keseluruhan pengalaman beliau, beliau secara peribadi berpendapat ia bergantung kepada individu, persekitaran dan rezeki masing-masing. Banyak faktor yang akan mempengaruhi pelajar seperti tajuk dan metodologi penyelidikan, penyelia, keluarga (ibu-bapa, suami-isteri dan anak-anak) dan kesihatan. Perjalanan dalam pengajian cukup luas untuk diterokai. Justeru, beliau menasihati kepada calon-calon yang akan melanjutkan pelajaran supaya bersiap sedia dari segi mental dan juga fizikal. Ini kerana, ia memerlukan kita berinteraksi dengan pelbagai situasi. Kenali tajuk, fahami skop dan bidang yang dikaji. Setiap pendapat didengar dan diterima jika ia membantu dan sekiranya perlu disanggah, sanggah secara baik dengan justifikasi yang kuat kerana komunikasi interpersonal banyak melibatkan emosi dan perasaan. Kejayaan menghabiskan PhD adalah ibarat 'cahaya mata yang dilahirkan' yang mempunyai keunikan dan memberi kepuasannya tersendiri (kebetulan beliau sendiri mendapat anak ke tiga ketika ini – kegembiraan berganda!). PhD terutamanya dalam bidang sains sosial, pada pendapat beliau ianya tidak terlalu bergantung kepada kepandaian seseorang, mungkin calon cemerlang dalam dua peringkat pengajian sebelum ini, namun tidak semestinya calon berjaya mengharungi peringkat tertinggi ini dengan lancar. Dalam mengurus PhD, ianya memerlukan strategi!



Sebagai kesimpulan beliau berpendapat, melanjutkan pelajaran ke peringkat PhD amat jauh berbeza dengan dua peringkat pengajian sebelumnya terutama sekiranya calon tidak mempunyai pengalaman dalam penyelidikan. Setiap calon akan menghadapi pengalaman yang unik dan pastinya ia akan memberi kesan kepada mental dan fizikal calon – PhD sedikit sebanyak akan merubah hidup seseorang. Komunikasi interpersonal (juga intrapersonal) yang baik adalah begitu penting sepanjang pengajian. Nasihat beliau lagi, dalam memilih tajuk penyelidikan, calon tidak perlu “*over ambitious*” dengan tajuk-tajuk yang sukar hingga memakan diri sendiri – PhD adalah salah satu proses pembelajaran. Cari tajuk penyelidikan yang calon mempunyai ‘*passion*’ dan selesa terhadap metodologi kajian serta jangan terlalu bergantung kepada penyelia dalam hal ini kerana anda yang akan melakukan kajian. Apa yang penting, tajuk haruslah “*novel*” dan melalui dapatan kajian dapat memberi faedah kepada khalayak sasaran serta ia boleh melahirkan tajuk kajian lanjutan. Beliau juga menegaskan dengan topik kajian yang baik ia akan membuka banyak peluang.

Sebelum mengakhiri perbualan, tambah beliau, sekiranya calon di bawah tajaan dan berpeluang ke luar negara membenteng hasil kajian, jangan sia-siakan peluang tersebut. Selain daripada pembentangan kertas kerja, calon dapat ‘bercuti’ merehatkan minda serta berpeluang belajar budaya baru. Allhamdulillah, ada juga yang berkesempatan menunaikan ibadah Umrah!

Sebagai penutup, ditanyakan apakah satu perkataan yang dapat menggambarkan PHD. Ringkas jawapan beliau, ia ‘mematangkan’!

Bengkel Peningkatan Profesionalisme dan Perancangan Strategik 2014 Serta Majlis Tautan Kasih Keluarga Staf PTKPI

Oleh: Nur Salimah Alias

Apabila kita gagal merancang, kita sebenarnya merancang untuk gagal. Oleh itu, perancangan adalah penting untuk setiap matlamat yang ingin dicapai tidak kira sama ada kepada individu atau organisasi. Menyedari kepentingan dalam merancang, PTKPI telah menganjurkan Bengkel Peningkatan Profesionalisme dan Perancangan Strategik 2014 yang telah diadakan pada 30 November dan 1 Disember 2013 bertempat di Hotel Sri Malaysia, Kangar Perlis.

Bengkel ini dilakukan untuk merangka perancangan dan strategi pelaksanaan aktiviti serta matlamat PTKPI sepanjang tahun 2014. Seramai 39 peserta yang terdiri daripada kalangan staf akademik dan bukan akademik PTKPI telah terlibat. Bengkel ini telah dimulakan dengan taklimat pengurusan daripada tuan dekan iaitu Dr. Hj. Huzili. Melalui ucapan beliau dalam taklimat tersebut, beliau berharap agar bengkel ini dapat menghasilkan satu perancangan untuk PTKPI yang dihasilkan dan dipersetujui bersama bagi menjamin kelancaran perjalanan PTKPI sepanjang 2014, terutama dalam persediaan untuk menjadi Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi yang lebih dikenali sebagai iKOM.

Bagi menjadikan perbincangan dalam bengkel ini lebih efisien, sebanyak lima kumpulan dibentuk di mana setiap kumpulan tersebut mempunyai ahli-ahli yang akan merancang strategi berdasarkan kumpulan/kluster yang telah ditetapkan. Lima kumpulan tersebut adalah:

- 1) Peningkatan profesionalisme akademik,
- 2) iKOM, promosi, motivasi pelajar & infra,
- 3) Program Khas PTKPI-iCOHSE, IMGT & CSR,
- 4) Pembangunan staf, kursus jana kewangan & kualiti dan;
- 5) Pejabat, Pembangunan Staf & Kelab Staf.



Hari pertama bengkel bermula dari pukul 9.30 pagi sehingga 4.30 petang digunakan sepenuhnya untuk setiap kumpulan merangka perancangan, pelbagai idea dicurahkan, tidak kurang juga dengan senda gurau sesama ahli kumpulan kerana hakikatnya bukan selalu staf PTKPI dapat duduk berkumpul bersama. Boleh dikatakan bengkel ini bukan sahaja dapat menghasilkan takwim 2014 untuk PTKPI, malah dapat mengeratkan silaturrahim dengan perbincangan dan kerjasama harmoni sesama ahli kumpulan. Bengkel pada hari pertama tamat pada waktu petang dan semua staf bersiap sedia untuk Majlis Tautan Kasih Keluarga Staf atau 'dinner' yang turut diadakan bersama-sama bengkel ini.

Majlis Tautan Kasih Keluarga Staf

Majlis Tautan Kasih Keluarga Staff PTKPI sememangnya telah dirancang untuk diadakan bersama Bengkel Peningkatan Profesionalisme dan Perancangan Strategik 2014 iaitu pada sebelah malam hari pertama bengkel. Majlis ini diadakan sebagai salah satu penghargaan pusat kepada semua staf PTKPI atas segala usaha dan penat lelah mereka sepanjang tahun 2013. Selain itu, ia turut diadakan untuk merapatkan hubungan antara sesama staf dan ahli keluarga staf PTKPI. Majlis yang bertemakan

Personaliti • Aktiviti • Penulisan Santai • Pencapaian Staf • Umum

“Harum dan Segar” ini telah diserikan lagi dengan kehadiran Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UniMAP, Prof. Dato’ Dr. Zul Azhar Zahid Jamal yang turut sudi merasmikan majlis ini.

Selain dihidangkan pelbagai juadah yang enak serta BBQ sebagai menu utama diiringi dendangan suara lunak dari penyanyi ‘bidan terjun’ PTKPI majlis ini turut dipenuhi dengan beberapa aturcara yang menarik antaranya adalah pelancaran majalah PTKPI yang julung kalinya diadakan dan dinamakan sebagai ‘Euforia’. Selain itu, terdapat penyampaian anugerah Penghargaan Jasamu Dikenang kepada mantan-mantan dekan PTKPI sepanjang lebih kurang 10 tahun PTKPI wujud iaitu Prof Salleh Abd Rashid (2010-2013), Prof Madya Dr. Hazry Desa (2008-2010), Prof Madya Ku Halim Ku Ariffin (2004-2006), Prof Madya Zaliman Sauli (2003-2004) dan Prof. Dr. Zuraida Mohd Zin (2002-2003). Walaupun terdapat antara mereka yang tidak dapat hadir, jasa mereka dalam memajukan PTKPI akan sentiasa dikenang. Tidak lupa juga jasa-jasa staf yang sedia ada di PTKPI sehubungan itu, tuan dekan telah mencipta lima anugerah khas kepada staf dalaman PTKPI iaitu;

Anugerah Staf Versatil: En. Hassad Hassan

Anugerah Staf Komited: Puan Siti Norayu Mohd Basir

Anugerah Staf Kehadiran Terbaik: Cik Suzana Sulaiman

Anugerah Staf Berkarisma: Dr. Amani Ali

Anugerah Staf Ceria: Puan Suriani Ismail

Setiap staf PTKPI turut diberi cenderahati sebagai tanda penghargaan. Majlis tamat dengan sesi bergambar bersama Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UniMAP, Prof. Dato’ Dr. Zul Azhar Zahid Jamal dan keberangkatan beliau pulang.

Pada keesokan harinya, program diteruskan dengan hari kedua bengkel. Hari kedua bengkel ini merupakan sesi pembentangan perancangan yang telah disediakan oleh setiap kumpulan. Setelah semua pembentangan selesai satu rumusan dibuat oleh tuan dekan dan beberapa perancangan diputuskan atas persetujuan semua staf. Walaupun terdapat beberapa perancangan yang perlu dimurnikan lagi, bengkel ini telah berjaya menghasilkan satu gambaran takwim atau gerak kerja yang jelas kepada PTKPI untuk beroperasi dengan baik bagi tahun 2014. Selesai sesi pembentangan, bengkel berakhir dengan harapan agar semua staf dapat terus memberikan kerjasama bagi menjayakan segala rencana yang telah dirancang.



Majlis Mesra Staf PTKPI

Oleh: Wan Nor Ashiqin Wan Ali

Majlis Mesra Staf PTKPI adalah disyorkan pertama kalinya oleh Dekan iKOM, Dr. Hj. Huzili Hussin untuk merapatkan hubungan ukhwa di antara staf iKOM. Majlis ini diadakan secara tidak formal iaitu pada dua kali sebulan. Perjalanan majlis akan dimulakan dengan ucapan aluan Dekan dan interaksi secara tidak formal bersama staf-staf iKOM. Di dalam majlis ini, staf-staf diberi kelonggaran untuk berinteraksi dan berkongsi pengalaman dan masalah yang dihadapi. Setiap majlis akan dimeriahkan dengan hidangan yang disediakan oleh pihak staf iKOM sendiri. Oleh itu, pada setiap majlis staf bergilir-gilir menyediakan juadah untuk rakan-rakan sekerja yang lain.



1. Majlis Mesra Staf PTKPI pada Rabu, 15 Januari 2014; 10.30 pagi

1. Majlis Mesra PTKPI dikelola oleh Pn. Norhudi'in Danu dan En. Mohd Kasturi Nor Abd Aziz.
2. Taklimat 5S dikendalikan oleh En. Maskor B. Bajuri.

Menu: Pulut kuning dan kari ayam, murtabak dan kek coklat

2. Majlis Mesra Staf PTKPI pada Rabu, 29 Januari 2014; 10.30 pagi

1. Majlis Mesra PTKPI dikelola oleh Pn. Siti Norayu Mohd Basir dan Pn. Norain Abdullah

Menu: Nasi kerabu dan kek sempena sambutan hari lahir

3. Majlis Mesra Staf PTKPI pada Rabu, 3 March 2014; 10.30 pagi

1. Majlis Mesra PTKPI dikelola oleh Prof. Dr. Asiah Sarji, Dr. Amani Ali Elmetwaly Ali Ibrahim dan Cik Zainab Nazar Khalil Wafi

Menu: Nasi mandy, mask'a (Egypt), dolmah (Iraq), Iraq tea, Arabic salad, Egyptian sambal



Majlis Berbuka Puasa iKOM Bersama Anak-Anak Yatim

Oleh: Wan Nor Ashiqin Wan Ali

Bagi mengimarahkan suasana di bulan Ramadhan dan di samping menambahkan amal ibadah, pihak iKOM telah menganjurkan sebuah program majlis iftar bersama anak-anak dari Rumah Anak Yatim Jejawi, Perlis

Majlis ini diadakan bagi mengeratkan hubungan silaturrahim dan sebagai tanda peringatan untuk saling kasih-mengasihi dan bantu-membantu sesama Islam.

Majlis yang telah diadakan pada 21 Julai 2014M bersamaan dengan 23 Ramadhan 1435H ini meraikan seramai 28 orang anak-anak yatim. Turut menjayakan majlis ini adalah warga iKOM bersama ahli keluarga tercinta.

Majlis ini berlangsung di Perkarangan Dewan Kapitol, UniMAP bermula pada 5.00 petang sehingga 8.30 malam dan telah dirasmikan oleh Y. Bhg. Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin.

Kejayaan keberlangsungan majlis tersebut adalah daripada kerjasama semua warga iKOM dan barakah Ramadhan Al-Mubarak.

"Carilah kebahagiaan di dunia ini dengan membahagiakan orang yang memerlukan, dan carilah kebahagiaan di akhirat kelak dengan sentiasa istiqamah menambah amal kebajikan"

Renungan sejenak:

Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud, *"Sesungguhnya Allah sangat banyak pemberiannya, menyukai banyak pemberian, lagi Maha Pemurah, menyukai kemurahan tangan hamba-hamba-Nya."*

(Riwayat Al-Tirmizi dari Saad bin Abi Waqash RA).

Rasulullah SAW juga bersabda yang bermaksud : *"Barangsiapa yang memberi makan untuk berbuka orang yang berpuasa, maka ia mendapat pahala seperti pahala orang yang berpuasa itu dengan tidak mengurangi sedikit pun pahala orang yang berpuasa itu."*

(Riwayat Al-Tirmizi dari Dari Zaid bin Khalid Al-Juhanny RA)



Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri iKOM

Oleh: Wan Nor Ashiqin Wan Ali

Sebuah majlis sambutan Hari Raya Aidilfitri iKOM telah berlangsung pada 12 Ogos 2014 bersamaan dengan 16 Syawal 1435H.

Majlis diadakan di Dewan Kapitol, Kangar bermula pada pukul 12.00 tengahari dan tamat pada pukul 5.00 petang.

Dato' Dr. Zul Azhar Zahid Jamal selaku Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UniMAP telah merasmikan majlis tersebut.

Pelbagai hidangan disediakan daripada kerjasama semua warga iKOM bagi meraikan rakan sejawat UniMAP.

Majlis ini diadakan bagi merapatkan hubungan silaturrahim dan berkongsi rezeki dalam memantapkan hubungan ukhwa sesama rakan sekerja UniMAP tanpa mengira pangkat atau kedudukan.

Majlis telah berlangsung dengan jayanya walaupun dilakukan dengan sederhana namun telah memberi impak yang mendalam kepada hubungan dalam kalangan warga iKOM dan rakan sejawat UniMAP yang lain.



Pertandingan Nasyid



Oleh: Edzham Armin Abdul Rahim

Sempena sambutan Ramadhan 2014, UniMAP dengan anjuran bersama Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi, Pusat Pengajian Inovasi Perniagaan dan Teknousahawan (PPIPT) dan Pusat Islam telah mengajurkan Pertandingan Nasyid antara Jabatan 2014. Pertandingan tahunan yang dianjurkan ini mendapat sambutan yang amat mengagumkan dengan bertemakan gaya Retro 60-an/70-an. Setiap Jabatan telah memberikan yang terbaik dari segi nyanyian, persembahan malah pakaian yang ditonjolkan memeriahkan lagi pertandingan tersebut.

Pertandingan kali ini telah dijayakan oleh 21 jabatan dan kesemuanya menunjukkan komitmen dan kesungguhan yang tinggi dalam kalangan staf UniMAP. Ada yang diantaranya mempamerkan hasil lagu yang ditulis sendiri dan ada juga yang menyampaikan dengan gaya yang penuh kreatif.

iKOM yang mempamerkan persembahan yang menarik dan bersemangat telah memilih untuk menyampaikan lagu Godaan Dunia nyanyian asal oleh Ahmadi Hassan. Ternyata persembahan yang menghiburkan telah mendapat sambutan yang amat baik dari para penonton yang hadir. Ini sekaligus menunjukkan hasil komitmen yang diberikan oleh semua ahli sepanjang latihan yang diadakan. Walau bagaimanapun, saingan yang sengit diberikan oleh jabatan lain dan keputusan para juri yang meletakkan kumpulan dari iKOM pada tangga ke 12 dari jumlah keseluruhan. Namun apa yang pasti iKOM akan memberikan saingan yang lebih baik pada tahun hadapan bagi mendapatkan tempat yang lebih baik.

Minggu Suaikenal Pelajar

Oleh: Ruhil Amal Razali

Pada awal semester yang lalu seramai 2,881 pelajar melangkahkan kaki buat kali yang pertama sebagai mahasiswa UniMAP. Pelajar ini terdiri daripada pelbagai watak dan ragam selain dibezakan oleh fakulti yang menjadi pilihan masing-masing. Kumpulan pelajar pertama iKOM juga telah mendaftar masuk pada semester ini. Maka kesemua mereka hendaklah seperti kebiasaan pelajar baru, iaitu menjalani sesi orientasi. Sesi orientasi atau suoi kenal pelajar bersama iKOM telah diadakan di Dewan Kapitol UniMAP, Kangar. Pelajar-pelajar telah diperkenalkan dengan pensyarah yang hadir dan bahagian pengurusan bagi memudahkan mereka berurusan kelak. Antara yang memberi penerangan adalah Pusat Kaunseling dan Bahagian Pengurusan selain daripada wakil Dekan iaitu Dr Shuhairimi Abdullah, Timbalan Dekan (Kursus Wajib Universiti).

Pelajar dilihat memahami penerangan dengan baik jika dilihat kepada soalan "faham atau tidak" yang diajukan setelah selesai sesuatu sesi. Mungkin kerana mereka baru saja melalui orientasi keseluruhan pelajar baru UniMAP, mereka telah mendapat gambaran tentang kehidupan sebenar seorang pelajar universiti.



Hari Bersama iKOM



Warga iKOM bersemangat menerima orang baru ke Pusat Pengajian.

Oleh: Nur Azila Azahari

Hari bersama iKOM telah diadakan pada 4 September 2014 bertempat di Dewan Kapitol, UniMAP, Kangar. Hari bersama iKOM ini adalah hari yang istimewa kerana merupakan hari pertama pertemuan kesemua warga iKOM bersama para pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu (RA72). Program ini adalah program baru dan yang pertama bagi Pusat Pengajian Pembangunan Insan & Teknokomunikasi (iKOM). Seramai 98 orang pelajar baru telah mendaftarkan diri pada 1 September 2014. Antara aktiviti yang diadakan pada pertemuan kali pertama ini adalah:

- Ucapan serta sesi ramah mesra pelajar bersama Naib Canselor UniMAP, YBhg. Brig. Jen. Datuk Prof. Dr. Kamarudin Hussin.
- Sesi suoi kenal pelajar bersama Dekan, Exco iKOM, tenaga pengajar Program Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu dan seluruh warga iKOM.
- Ucapan aluan oleh YBhg. Dr. Hj. Huzili Husin, Dekan iKOM
- Taklimat oleh Timbalan Dekan Akademik, Dr. Hanif Suhairi Abu Bakar, disusuli taklimat oleh Timbalan Dekan Hal Ehwal Pelajar, Dr. Hanum Hassan dan juga taklimat oleh Pengerusi Rancangan Program Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu, Pn. Adila Ismail.

2nd IMT-GT REGIONAL CONVENTION ON DRUG, SUBSTANCE AND ALCOHOL ABUSE AMONG TERTIARY INSTITUTIONS 2014

Oleh: Nur Salimah Alias

Tahun 2015 Malaysia berhasrat untuk menjadi negara bebas dadah. Perkara ini menuntut semua IPT dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mengatur pelan strategi yang mantap. Kekebalan Malaysia untuk mencapai status negara bebas dadah banyak bergantung kepada negara jiran. Buat masa ini satu badan kerjasama yang dipanggil IMT-GT telah dimeterai yang melibatkan segitiga pertumbuhan sosio-ekonomi bagi Malaysia, Indonesia dan Thailand. Sudah pasti, jika wahana ini digunakan sepenuhnya, kedua hasrat iaitu untuk menjadikan Malaysia hub pendidikan antarabangsa dan negara bebas dadah boleh dicapai dengan jayanya.

Untuk itu, UniMAP sebagai tonggak dan penggerak kepada pembasmian penyalahgunaan dadah telah mengambil langkah proaktif dengan mengadakan persidangan yang akan menetengahkan isu ini bersama dengan negara IMT-GT. Pusat Pengajian Pembangunan Insan dan Teknokomunikasi (iKOM) merupakan jawatankuasa pelaksana seminar ini. Seminar ini diadakan selama 3 hari 2 malam bertempat di TH Hotel And Convention Centre Alor Setar, Kedah, Malaysia.


Seramai lebih kurang 230 peserta yang terdiri daripada ahli akademik dan pelajar menghadiri seminar ini. Walaupun datang dari pelbagai negara seperti Indonesia dan Thailand kesemua peserta



mempunyai satu tujuan yang sama iaitu perkongsian ilmu terutama sekali dalam isu-isu penyalahgunaan dadah. Selama 3 hari 2 malam seminar ini bukan sahaja di penuhi dengan aktiviti akademik seperti pembentangan kertas kerja dan keynote speaker, satu majlis makan malam yang meriah turut diadakan. Majlis makan malam ini telah dimeriahkan lagi dengan kehadiran ahli undangan negeri Kedah YB. Datin Norsabrina Binti Mohd Noor serta Naib cancellor UniMAP Ybhg. Brig. Jen. Datuk Prof Dr. Kamarudin Hussin. Apa yang paling utama didalam majlis ini, YB. Datin Norsabrina telah merasmikan Program CSR iKOM iaitu satu Program tentang kesedaran dadah kepada kanak-kanak tadika, cetusan idea ini lahirnya dari tuan dekan iKOM sendiri, Dr. Huzili Hussin.

Hari terakhir seminar diakhiri dengan satu platform yang menyediakan peluang bagi pelajar memberi pandangan serta idea mereka iaitu melalui forum pelajar. Pelajar IPTA, Politeknik dan Kolej Komuniti bersama pelajar-pelajar dari universiti luar negara dari Indonesia (University of Pembangunan Panca Budi, Universitas Muhammadiyah Sumatera Utara (UMSU), Universitas Ubudiyah Indonesia (UUI) dan IT & B Campus) serta Thailand (Phuket Rajabhat University, Thaksin University, Wailalak University dan Prince of Songkla University (PSU)) telah duduk membicarakan isu ini bersama dan menghasilkan satu resolusi bagi menangani isu penyalahgunaan dadah. Rata-rata pelajar sangat teruja dengan peluang ini





malah menganggapnya sebagai satu pengalaman yang menarik kerana dapat berkongsi dan mengetahui isu-isu yang berlaku selain dari negara mereka sendiri.

Ahli-ahli jawatankuasa sendiri menganggap seminar IMT-GT 2014 yang julung kalinya telah dianjurkan oleh iKOM merupakan salah satu pengalaman berharga buat mereka, walau ada pahit dan manisnya namun bak kata orang 'kalau tidak pernah susah, mana kita kenal erti senang'. Begitulah pengalaman mengajar kita tentang kehidupan, begitulah juga hasrat ahli-ahli iKOM untuk membuat lebih baik lagi jika masih diberi peluang untuk mengorganisasikan seminar seperti ini suatu hari nanti.





Pelajar baru bersemangat melaungkan lagu kebangsaan, Negaraku.



Pelajar tekun mendengar taklimat yang disampaikan.



Sesi ramah mesra Ybhg. Datuk NC bersama pelajar.



Pelajar menerima cenderahati dari Ybhg. Datuk NC.



Dekan, Exco iKOM serta tenaga pengajar Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu RA72.



Warga iKOM 2014.

- Sesi pendaftaran kursus pertama kali bagi pelajar Program Ijazah Sarjana Muda Komunikasi Media Baharu yang bertempat di Makmal Komputer, Taman Muhibbah, UniMAP.

Kesemua warga iKOM dilihat begitu bersemangat menerima ahli baru ke iKOM. Manakala, para pelajar dilihat begitu teruja pada pertemuan ini walaupun agak penat kerana masih berada dalam minggu orientasi. Selamat datang dan selamat berjuang diucapkan kepada semua pelajar iKOM!!

SUKAN:

Lapan Kriteria Untuk Diambil Kira

Oleh: Ruhil Amal Razali

Dalam pembentukan seseorang atlit yang berjaya, terutama sukan menggunakan raket contohnya badminton, squash dan tenis memerlukan pemahaman yang sebenar tentang sukan tersebut. Setelah dibelek dan dibuat kajian tidak formal, maka lahirlah lapan teras sukan yang penulis rasakan mampu untuk direalisasikan bagi melahirkan Lee Chong Wei kedua atau Nicol David kedua.

SATU: 10,000 Jam/ Sepuluh tahun

Berdasarkan kepada beberapa dapatan kajian dalam jurnal antarabangsa, untuk menjadi pemain antarabangsa yang cemerlang memerlukan sekurang-kurangnya 10,000 jam latihan dan permainan secara intensif. Tiada jalan singkat. Program pembangunan atlet merupakan proses yang rumit dan panjang. Kerja keras dan sikap bersungguh-sungguh diperlukan untuk membentuk seseorang atlet yang berjaya. Berikut adalah pecahan masa yang diperlukan untuk mencapai 10,000 jam dalam masa sepuluh tahun.

Jumlah jam satu sesi latihan sehari: 2 jam
 Jumlah hari latihan seminggu: 4 hari
 Jumlah jam latihan seminggu: 8 jam
 Jumlah jam latihan setahun: 416 jam
 Jumlah jam latihan sepuluh tahun: 4160 jam
 **[tanpa mengambil kira hari cuti]

Perkiraan mudah diatas adalah sedikit pembuka mata tentang kerumitan yang perlu diambil kira untuk mendapatkan atlet 10,000 jam dalam masa sepuluh tahun.



DUA: Asas Pergerakan

Kemahiran pergerakan asas (berlari, melompat, menangkap dan memukul objek) kemahiran asas motor (ketangkasan, keseimbangan, koordinasi) dan kemahiran asas sukan (keseimbangan, pergerakan lateral, memukul, membaling) adalah asas kepada kebanyakan jenis sukan dan dikenali sebagai '*physical literacy*'.

Sukan raket memerlukan pemain mempunyai kemahiran seperti berikut:

- i. ketangkasan
- ii. keseimbangan
- iii. koordinasi
- iv. berlari
- v. melompat
- vi. memukul objek bergerak (koordinasi mata-tangan)
- vii. halaju reaksi
- viii. ritma
- ix. orientasi ruang-masa

TIGA: Pengkhususan awal atau lewat

Sukan boleh dibahagikan kepada dua iaitu pengkhususan awal dan lewat. Antara sukan yang perlu untuk pengkhususan awal adalah sukan akrobatik seperti gimrama dan terjun. Sukan-sukan ini berbeza daripada sukan pengkhususan lewat yang mana kemahirannya sukar di kuasai apabila mencapai tahap umur matang. Sukan raket memerlukan penyertaan awal untuk menguasai kemahiran dengan baik. Namun begitu, ia adalah penting untuk pemain menguasai kesemua kemahiran koordinasi. Umur penting untuk menguasai kemahiran koordinasi adalah dari 8-12 tahun (Balyi dan Hamilton, 2003). Penyertaan awal dan bukan pengkhususan awal dalam sukan raket adalah penting untuk mendapat pendedahan kemahiran koordinasi di samping penyertaan dalam permainan dan aktiviti yang dapat membantu meningkatkan kemahiran dalam pergerakan.



Pengkhususan awal dalam sukan raket boleh menyebabkan perkara berikut:

- i. Ketidakseimbangan persediaan pemain
- ii. Kemahiran asas pergerakan yang tidak lengkap
- iii. Kecederaan otot
- iv. Kecenderungan untuk hilang minat

Sukan menggunakan peralatan bukanlah sukan pengkhususan awal, tetapi adalah sukan yang memerlukan penyertaan awal iaitu kemahiran koordinasi dan pembelajaran motor adalah lebih diutamakan.

EMPAT: Umur

Kematangan pemain remaja adalah berbeza antara satu sama lain. Setiap pemain mempunyai kadar dan umur matang yang berbeza. Bagi wanita, umur matang (baligh) adalah 10-12 tahun manakala lelaki memerlukan 3-4 tahun lagi untuk matang. Proses ini membolehkan terjadinya kelebihan dan kekurangan kepada pemain. Proses kematangan yang lambat membolehkan pemain mendapat lebih pendedahan kepada asas koordinasi, kemahiran motor dan kemahiran permainan. Walau bagaimanapun, dalam proses pembangunan pemain yang matang lebih awal akan mengatasi pemain lain kerana beberapa kelebihan. Pemain yang matang lebih awal adalah lebih besar, kuat dan pantas. Dalam latihan dan pertandingan, pemain ini akan memenangi perlawanan dan mungkin menyebabkan pemain yang lambat matang berputus asa. Penting untuk jurulatih membimbing dan memberi motivasi kepada pemain untuk memaksimumkan potensi untuk pemain yang lambat mencapai tahap kematangan. Kajian menunjukkan bahawa pemain yang lebih berjaya adalah pemain yang lahir pada bulan Jun dan keatas.

Lee Chong Wei 21 Oktober

Nicol David 26 Ogos

Roger Federer 8 Ogos

Walaupun begitu, perkiraan ini adalah kurang tepat kerana terdapat pemain yang berjaya walaupun lahir sebelum bulan Jun.

LIMA: Latihan Optimum

Terdapat beberapa faktor harus dipertimbangkan untuk membentuk periodisasi latihan, pertandingan dan rehat pemain. Antaranya adalah kebolehan fizikal seperti kekuatan (*strength*), kepantasan (*speed*), ketahanan (*endurance*), kemahiran (*skill*) dan kelenturan (*flexibility*). Setiap satu elemen ini boleh

dilatih sepanjang hidup pemain. Apa yang diperlukan ialah melatih pemain pada fasa yang kritikal untuk kebaikan jangka masa panjang. Dalam kata lain, pemain harus melakukan latihan pada masa dan ketika yang tepat mengikut peredaran pertumbuhan badan dan kematangan pemain.

ENAM: Pembangunan mental dan emosi

Kefahaman yang menyeluruh harus diterapkan bahawa kadar perkembangan pemain adalah tidak selaras antara satu sama lain. Keseluruhan aspek perlu diambil kira untuk mendapatkan pemain yang berkebolehan dan mencapai tahap antarabangsa. Penekanan kepada aspek mental dan emosi adalah faktor kritikal untuk perkembangan jangka masa panjang. Di sebalik itu, faktor nilai-nilai murni lain seperti menghormati undang-undang permainan, adil, semangat kesukanan dan etika harus dipupuk sepanjang fasa latihan.

TUJUH: Periodisasi

Periodisasi adalah pelan latihan lengkap untuk seseorang atlit. Melakukan pelan periodisasi untuk sepanjang tahun akan mengambil masa yang lama untuk disiapkan. Setiap yang dirancang haruslah bertepatan dengan fasa dan tahap untuk mencapai objektif tertentu dalam latihan. Terdapat beberapa fasa latihan seperti fasa latihan umum, fasa latihan tumpuan fasa transisi. Kesemua fasa ini menggunakan jenis latihan dan pemberat yang berlainan untuk pencapaian optimum pemain.

LAPAN: Perancangan pertandingan

Pertandingan pemain juga harus dirancang sebaiknya. Bagi umur tertentu, terdapat jumlah yang optimum untuk pemain mendapat cukup pendedahan perlawanan. Sepanjang karier pemain tenis, ratio yang terbaik adalah 3:1 iaitu kekalahan:kemenangan. Berdasarkan ratio ini, pemain akan di galakkan bermain di kejohanan yang akan membolehkan mereka mencapai tahap sedemikian untuk menaikkan motivasi.

Lapan kriteria yang diterangkan di atas adalah melibatkan pembangunan pemain tanpa mengambil kira faktor luaran terutama dari segi kewangan dan politik. Mewujudkan pemain bertaraf dunia memerlukan usaha yang gigih dan tidak mengenal putus asa.

Bahagia Di Tempat Kerja & Adab Bersosial

Oleh: Junainor Hassan

Kebahagiaan merupakan isu penting dalam diri setiap individu. Kebahagiaan bukan sahaja tertakluk pada kebahagiaan rumahtangga bahkan kebahagiaan di tempat kerja. Apakah itu kebahagiaan di tempat kerja? Kebahagiaan di tempat kerja boleh disimpulkan dengan satu perasaan iaitu gembira. Ya, kita berasa gembira apabila mahu pergi ke tempat kerja, berada di tempat bekerja dan gembira berjumpa komuniti di tempat kerja. Perasaan gembira ini seiring dengan rasa tenang dan selesa apabila berada di tempat kerja. Persoalannya, mengapakah kita perlu bahagia di tempat kerja?

Tempat kerja merupakan 'rumah' kedua bagi mereka yang berkerjaya. Kita menghabiskan masa selama 8 jam di tempat kerja malahan ada yang menghabiskan masa melebihi daripada tempoh kerja yang ditetapkan. Ini mungkin akibat daripada tuntutan tanggungjawab dan tugas yang perlu dilaksanakan dan diselesaikan. Tempat kerja bukan hanya setakat tempat untuk kita mencari rezeki tetapi juga sebagai tempat bersosial. Bersosial dengan maksud membina hubungan dengan orang lain. Mempunyai jaringan hubungan sosial yang luas dan berperingkat dalam satu-satu organisasi menuntut setiap orang untuk mempunyai keupayaan dan kemahiran adab bersosial yang boleh diterima dalam ahli komuniti tempat kerja masing-masing.

Keupayaan dan kemahiran adab bersosial ialah cara bagaimana kita berkomunikasi dengan orang lain dengan tujuan untuk membina hubungan sebagai rakan sekerja (yang mempunyai kepelbagaian tahap hubungan rapat), hubungan sebagai rakan sejawat dan hubungan sebagai pekerja dengan majikan. Malangnya, ramai di antara kita yang memandang ringan akan kemahiran adab bersosial ini sehingga menyebabkan wujudnya suasana negatif di tempat kerja. Sedarkah kita bahawa suasana negatif di tempat kerja amatlah tidak baik untuk pembinaan sendiri setiap individu di tempat kerja?

Pembinaan sendiri yang negatif dalam diri individu di tempat kerja hanya akan melahirkan 'penyakit hati' yang sukar dirawat. Percakapan fitnah dan memburuk-burukkan orang lain pula akan menjadi 'hidangan utama' di tempat kerja. 'Penyakit hati' seperti perasaan iri hati akan membawa kepada permusuhan di antara satu sama lain, mewujudkan rasa kurang hormat menghormati dalam komuniti tempat kerja, menyuntik rasa ego dan sombong terhadap orang lain yang dirasakan tidak setaraf dengannya serta cubaan menjatuhkan imej dan maruah orang lain semata-mata untuk kepuasan diri. Perlakuan sebegini akan menggalakkan budaya 'tikam belakang' yang menjadikan tempat kerja sebagai tempat yang tidak lagi kondusif untuk melaksanakan kerja dengan baik dan cemerlang.

Kesannya, motivasi untuk bekerja di tempat kerja menjadi satu beban dalam hidup. Kita akan mula berasa tidak gembira, tidak selesa dan tidak aman di tempat kerja. Natijahnya, kita akan mula berasa malas untuk datang ke tempat kerja. Hubungan dengan rakan sekerja, rakan sejawat, majikan dan orang lain di tempat kerja akan mula berkurangan.

Perasaan syak wasangka pula akan jadi semakin menebal dalam diri masing-masing di antara satu sama lain. Inilah detik permulaan kita akan mula berasa bosan dan tidak dihargai sebagai satu pasukan di tempat kerja yang akhirnya mengundang motivasi lain seperti bertukar jabatan malahan berhenti

dan bertukar tempat kerja. Organisasi pula akan menanggung kerugian kerana kehilangan sumber tenaga kerja dan perlu mencari pengganti lain yang akhirnya menyebabkan kos berganda.

Oleh yang demikian, haruslah kita sentiasa beringat dan mempraktikkan budaya adab sosial yang baik supaya bahagia di tempat kerja dengan berpegang kepada falsafah:

'Jika inginkan kebaikan dan kebahagiaan, haruslah kebaikan dan kebahagiaan itu datang dulunya dari kita.'



Riwayat Hidup Ibn Kathir

Oleh: Amani Ali

Beliau dilahirkan di Syam pada tahun 701/1301. Nama lengkapnya ialah Imaduddin Ismail bin Omar bin Kathir bin Dhau bin Dara al-Qurashi dari keturunan Hasalah. Ibn Kathir lahir di sebuah kampung yang terletak di barat Basra, Iraq. Bapanya al-Khatib Syihabuddin Abu Hasan Umar Ibn Kathir seorang yang berilmu pengetahuan dalam bidang syair dan sajak arab. Oleh sebab itu, Ibn Kathir hidup dalam suasana ilmiah oleh kerana bapanya sendiri seorang alim. Ibn Kathir seorang yang cerdas dan mempunyai pemikiran yang kuat dengan telah mengkhatam al-Quran sebelum mencecah umur 10 tahun.

Ibn Kathir mendapat pendidikan awal daripada Imam al-Nawawi dan al-Parazi. Beliau merupakan khatib di kampung. Semasa beliau berumur tiga tahun, bapanya telah meninggal dunia dan beliau sekeluarga telah berpindah ke Damsyik iaitu pada tahun 707/1307. Beliau dipelihara oleh bapa saudaranya Abdul Wahab. Ibn Kathir sangat terkenal dengan menghafaz matan-matan hadis dan juga pakar dalam pentahkik dan pentakhrij hadis Nabi S.A.W. iaitu dapat mengetahui perbezaan antara Hadis sahih dan Hadis dhaif. Ibn Kathir juga mempelajari bidang ilmu agama lain seperti fiqh, tarikh (sejarah) dan hadis. Ibn Kathir merupakan seorang yang kuat beribadah, baik budi pekertinya dan sentiasa bersama gurunya al-Hafiz al-Mizzi hingga berkahwin dengan putrinya itu. Beliau bertugas sebagai seorang guru di Masjid Al-Jami' Al-Umawiy di Damsyik hingga akhir hayatnya. Beliau mula mengajar pada pagi subuh hari Rabu 28 Syawal 767/1365 dan sepanjang masa beliau mengajar beliau juga mengarang kitab sehingga beliau meninggal dunia pada hari khamis 26 Syaaban 774/1372 ketika berumur 73 tahun. Beliau dimakamkan berhampiran dengan makam gurunya Syekhul Islam wa hibrul Ummah Ibn Taimiyah Rahimahumallah.

Di antara karya-karya beliau ialah:

1. Bidang tafsir

- Tafsir Al-Quran Al-Azim (terkenal dengan Tafsir Ibn Kathir setebal sepuluh jilid dan mempunyai



pengaruh yang luas dan dijadikan rujukan sampai sekarang)

- Fadhail Al-Quran
2. Hadis
 - Al-Hadis Usul, Sarhi Sahih Al-Bukhari
 - Jamiah Al-Masanid Wa Sunan Al-Hadis
 - Musnad Abi Bakr
 - Musnad Umar Ibn Khatib Kitab Jami'ul Masanid was Sunan (kitab hadis yang menghimpun sanad-sanad seperti musnad Ahmad dan ada 8 jilid)
 - Al-Kutub Al-Sittah (Membicarakan berkenaan Sunan yang enam yang penting dalam Islam)
 - Al-Takmilah fi Makrifat Al-Thiqat wa Al-Dhu'afa' wal Majahil
 - Kitab Jarh Ta'dil (ilmu hadis)
 - Al-Mukhtasar (ringkasan dari kitab Muqaddimah Ibn Salah dan kitab Mustolah Hadis yang terkenal dan penting)
 - Sahih Al-Bukhari
 - Adillah Al-Tanbih fi ulumil Hadis (terkenal sebagai al-Ba'ith fi Ilmil Hadis).
 3. Sejarah
 - Al-Bidayah wa Al- Niahayah (Permulaan dan pengakhiran)
 - Al-Fusul fi Siratir Rasul (Sirah Rasulullah S.A.W.) Tabaqat Fuqaha' Syafi'iyyah (Terjemah peringkat ulama' mazhab syafi'i.)
 4. Bidang Fiqh
 - Al-Ijtihad fi Tolabil Jihad (Ijtihad dalam menyeru Jihad. Merupakan sumber penukaran pendapat para ulama' dan pemimpin dalam persoalan hukum terutama dalam masalah rasuah dan kewujudkan perdamaian dalam satu peperangan dan pemberontakan di Baydamur pada tahun 1361M serta dalam menyerukan jihad pada 1369M)



Oleh: Noormaizatul Akmar binti Ishak

Kita suka apabila anak-anak kecil terutamanya bayi tersenyum kepada kita. Namun hakikatnya, kita sebagai orang dewasa sangat bakhil dengan senyuman. Kita hanya senyum kepada orang yang kita suka sahaja tanpa berminat untuk memanjangkan senyuman itu kepada sesiapa orang yang baru kita jumpa.

Dari Jabir bin Abdullah r.a katanya: Rasulullah S.A.W. bersabda;

"Tiap-tiap perkara yang makruf menjadi sedekah. Antara perkara yang makruf itu ialah hendaklah engkau (semasa) bertemu dengan saudaramu (sesama anak Adam) biarlah dengan muka yang manis dan (kalau ada yang meminta air) hendaklah engkau tuangkan timbamu ke dalam bekas air yang dibawanya."

Bagi huraian hadith di atas, makruf adalah merujuk kepada segala perkara yang diketahui umum tentang kebajikannya sama ada dari segi syarak atau dari segi adat (yang tidak bercanggah dengan syarak). Ini adalah berlawanan dengan perkara mungkar yang secara terang dilarang melakukannya. Setiap mukmin hendaklah sentiasa bermuka manis dan berbudi bahasa tinggi semasa berhubung dengan orang lain kerana hal ini juga dianggap sebagai satu sedekah.

Penulis menonjolkan kisah ini berdasarkan pengalamannya ketika menyambung pengajian di Universiti Utara Malaysia. Di sana, hampir semua kakitangan yang penulis bertemu untuk berurusan adalah sangat mesra dan mudah membantu samada di Othman Yeop Abdullah, Graduate School of Business, Kolej Perniagaan, Perpustakaan, Jabatan

SENYUM

Sebagai Satu Budaya

Bendahari, CUIC, ICT dan Pusat Kesihatan. Walaupun tetap ada segelintir yang sukar untuk senyum dan kurang mesra, tetapi itu adalah untuk pertemuan pada kali pertama ketika keadaan pejabat penuh dengan pelajar-pelajar daripada pelbagai kursus, bangsa dan mod pengajian.

Amalan senyum ini mula penulis alami ketika menjadi Graduate Assist ketika membantu penyelia PhD penulis di dalam kuliah beliau selama setahun. Ketika penulis berjalan daripada kereta ke bilik kuliah, makcik-makcik dari keturunan Melayu dan India yang mencuci dan menyapu bilik kuliah dan tandas selalu senyum kepada penulis dan bertanyakan bilik kuliah yang hendak penulis tuju. Ini juga mereka lakukan kepada para pensyarah lain yang juga sibuk mencari bilik kuliah masing-masing.

Cuma adab senyum ini masih kurang ditekankan kepada para pelajar di seluruh universiti di Malaysia. Penulis juga mendapati pelajar-pelajar melupakan adab senyum ketika proses pengajaran dan pembelajaran apabila mereka lebih suka mendengar dan hanya memberikan pendapat apabila ditanya sahaja. Jika sikap senyum pada orang dan tempat sesuai ditekankan sebagai amalan budaya korporat di universiti, penulis percaya universiti akan menjadi tempat menimba ilmu yang lebih dinamik dan mesra.



Oleh: Mohd Azri Bin Mohd Nasaruddin

Persoalan ilmu dan amalan, yang mana satu di antaranya yang patut kita utamakan di dalam hidup kita, merupakan persoalan yang sudah lama diketengahkan. Ada yang beranggapan bahawa penting bagi kita untuk belajar, dan ada yang mengatakan bahawa wajib bagi kita memperkuat amalan dengan ilmu yang sedia ada. Manakah di antara pendapat ini yang bertepatan dengan kehendak Al-Quran dan Sunnah?

Al-Imam Bukhary rahimahullah telah menulis satu bab yang khas di dalam sahihnya, dan bab itu berbunyi, bab mengutamakan ilmu sebelum amal atas dasar firman Allah swt "Maka ketahuilah olehmu bahawa tiada Tuhan yang selayaknya disembah melainkan Dia". Maka jelas, secara amnya ilmu perlu didahulukan, namun wajib selepas itu untuk kita beramal dengan apa yang kita pelajari. Ini kerana ilmu tanpa amalan adalah ibarat pohon yang tidak berbuah.

Ilmu dan amalan, perlulah berjalan dengan kadar kelajuan yang sama. Semakin kita beramal, semakin kita perlu mencari ilmu, dan semakin kita mencari ilmu, semakin banyaklah amalan yang kita kerjakan.

Penulis tertarik dengan tulisan Imam Ibnul Qayyim, yang telah menggariskan susunan taktik syaitan bagi menyesatkan manusia iaitu:

- I. melakukan yang haram
- II. meninggalkan yang wajib
- III. meninggalkan yang sunat
- IV. mengerjakan yang makruh
- V. meninggalkan yang afdal

Maka daripada susunan yang telah diberikan Imam Ibnul Qayyim di atas, penulis telah menyusun semula susunan ini menjadi susunan (ranking) amal ibadah yang perlu kita berikan keutamaan, iaitu sesetengahnya adalah lebih utama dari sesetengah yang lain. Susunan berkenaan seperti berikut:

- I. melakukan perkara-perkara yang wajib dengan baik
- II. meninggalkan larangan Allah S.W.T
- III. menambahkan amalan-amalan sunat
- IV. meninggalkan amalan-amalan yang makruh
- V. mengutamakan perkara-perkara yang afdal

Ilmu Dan Amalan: KUNCI KE SYURGA

Sebagai seorang Mu'min, ilmu dan amalan merupakan kunci utama bagi kita meraih keredhaan Allah swt. Di dalam sepotong hadis, ketika sahabat bertanya kepada Rasulullah S.A.W. akan tafsiran ayat surah Al-Fatihah, "Jalan yang telah Kau berikan nikmat ke atas mereka, bukan jalan mereka yang dimurkai, (dan bukan pula jalan) mereka yang sesat". Bertanya sahabat, "Siapakah mereka yang dimurkai ya Rasulullah?", jawab baginda S.A.W., "Yahudi". "Dan siapakah pula mereka yang sesat ya Rasulullah?", jawab baginda S.A.W., "Nasrani".

Di dalam tafsir Ibnu Katsir rahimahullah, dinyatakan bahawa Rasulullah S.A.W. menyebut golongan Yahudi sebagai golongan yang dimurkai, kerana mereka mempunyai ilmu, mereka mendengar ajaran Nabi Allah Musa as, bahkan mereka diturunkan Taurat yang merupakan cahaya dan petunjuk Allah swt khas buat mereka. Namun, sebagaimana yang direkodkan di dalam Al-Quran, tatkala mereka mendengar ajaran Musa as, mereka berkata "Kami dengar (hai Musa), dan kami tolak (enggan beramal dengannya)". Kerana itulah Allah swt menjatuhkan kemurkaan kepada mereka.


Adapun golongan kedua, iaitu orang-orang Nasrani, dikatakan sesat, kerana mereka merupakan golongan yang bertentangan dengan golongan Yahudi, iaitu mereka mendahulukan amalan tanpa mempunyai ilmu tentangnya. Mereka mengambil Isa as sebagai anak Allah, Jibrail as sebagai roh suci, pemimpin mereka (pope) sebagai ma'sum dan suci dari sebarang kesalahan.

Kita lihat bagaimana benarnya sabda Nabi S.A.W. ini. Agama Kristianlah merupakan agama yang mencetuskan beratus-ratus tahun Zaman Gelap di Eropah suatu ketika dahulu. Segala amalan dan kepercayaan orang awam ketika itu haruslah selari dengan kata-kata gereja yang membuta-tuli. Kita masih lagi mengingati bagaimana ahli saintis mereka, Galileo Galilea dihukum bunuh oleh pihak gereja,

gara-gara mengeluarkan teori bahawa Bumi berputar berpaksikan matahari, bukan sebaliknya. Di antara contoh kesesatan lain yang dibawa mereka ialah:

- i) mereka menangkap wanita-wanita yang dikatakan beramal dengan ilmu sihir, tanpa sebarang usul periksa. Malahan wanita-wanita yang mengalami masalah mental, yang didapati memakan serangga-serangga (sejenis penyakit psikologi) juga ditangkap. Wanita-wanita ini akan disiksa, disebat, dipukul dengan rantai, dicakar dengan cakar besi, ditarik tangan dan kaki mereka dari arah yang bertentangan, bagi memaksa mereka mengaku bahawa mereka ada membuat perjanjian dengan syaitan. Lihat bagaimana kesemua perbuatan kebinatangan ini dibuat di atas nama Allah, Isa dan Jibrail! Mereka juga turut mencipta 'ujian' bagi menguji sama ada seseorang wanita itu beramal dengan sihir atau tidak, iaitu dengan mengikat mereka dengan bebola besi, dan mencampakkan mereka ke dalam sungai. Berpandukan bahawa besi yang tulen tanpa ada campuran akan tenggelam di dalam air, maka mereka yang terus tenggelam dan mati kelemasan akan diisytiharkan sebagai suci. Manakala mereka yang di dapati timbul di atas air, mereka akan diisytiharkan sebagai pengikut syaitan, dan akan dibakar hidup-hidup.
- ii) pihak gereja menjual surat pengampunan dengan harga yang sangat-sangat mahal. Fungsi surat pengampunan ini ialah, bagi mereka yang mampu membelinya, maka dosa mereka akan terus diampunkan Allah, dengan duit hasil pembelian surat tadi dikutip oleh gereja.
- iii) mereka mengumumkan bahawa sains adalah sebahagian dari ilmu syaitan. Oleh itu, berapa ramai di antara ahli saintis mereka yang ditangkap, dilecurkan kulit mereka dengan besi panas yang berbentuk salib, dipotong tulang empat kerat mereka dan dicampakkan di sekitar bandar Rom, bagi menakutkan orang ramai daripada mempelajari sains.

Maka kerana itulah, adalah kewajipan umat Islam untuk berilmu, dan kemudian meletakkan amalan mereka selari dengan ilmu yang mereka pelajari.



Keperluan Kaunseling Dalam Sesebuah Organisasi

Oleh: Wan Saniah Wan Yahya

Perkataan kaunseling berasal dari Bahasa Inggeris iaitu 'Counseling' yang bermaksud penasihat atau perundingan. Walau bagaimanapun, pakar dalam bidang kaunseling menyatakan bahawa kaunseling bukanlah satu proses memberi nasihat. Seseorang yang menghadiri sesi kaunseling akan berbincang bersama-sama kaunselor, menganalisis masalah serta mencari jalan penyelesaian.

Dalam akta kaunselor 1998 mendefinisikan kaunseling sebagai:

"Suatu proses sistematik untuk membantu perhubungan berdasarkan prinsip-prinsip psikologi yang dilaksanakan oleh kaunselor berdaftar mengikut kod etika kaunseling untuk mencapai suatu perubahan, kemajuan penyesuaian yang holistik baik dan sukarela pada diri klien supaya perubahan itu akan berterusan sepanjang hayat klien"

Kaunseling bukanlah perkara baru malah manusia selalu melakukan aktiviti rundingcara sesama mereka. Secara amnya dapat dikatakan bahawa konsep kaunseling diamalkan di dalam bidang pendidikan, perubatan, agama, kemasyarakatan, pemulihan, perkahwinan dan keluarga.



Dalam sesebuah organisasi, Kaunseling mempunyai kepentingannya tersendiri khususnya dalam memahami tingkahlaku organisasi itu sendiri antaranya:

1. Mengdiagnosis masalah pekerja atau kepincangan organisasi
2. Memberi peluang pekerja meluahkan perasaan.
3. Membantu pekerja berfikir dengan jelas dan tidak dikuasai oleh emosi.
4. Memberi nasihat.
5. Menyokong dan menenangkan pekerja.
6. Menilai diri.
7. Mempertingkatkan komunikasi dalam organisasi.
8. Memajukan diri.

Terdapat juga pekeliling perkhidmatan dan surat pekeliling yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam sebagai panduan mewujudkan perkhidmatan kaunseling dan psikologi dalam perkhidmatan awam antaranya:

1. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 18 Tahun 2005
Panduan Aplikasi Psikologi dalam Pengurusan Sumber Manusia
2. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1998
Garis Panduan Menguruskan Pegawai Berprestasi Rendah dan Pegawai Bermasalah
3. Pekeliling Perkhidmatan Bil. 1 Tahun 1999
Panduan Mewujudkan Perkhidmatan Kaunseling di Agensi Awam

Perkara ini menunjukkan bahawa betapa pentingnya kaunseling itu dalam sesebuah organisasi serta keprihatinan pihak majikan terhadap kebajikan pekerja khususnya dalam memastikan kestabilan emosi agar mereka dapat menjalankan tugas dengan lebih efisien dan berkualiti.

Kehidupan yang kita jalani hari ini sangat berbeza dengan kehidupan pada zaman ibu bapa kita dahulu. Jika dahulu kebanyakan keluarga ditunjangi oleh ketua keluarga iaitu suami atau bapa. Seorang isteri kebiasaannya akan menjaga rumahtangga, mendidik anak-anak dan sesekali membantu suami

mereka melakukan kerja-kerja di sawah dan kebun.

Namun kita dapat melihat perubahan corak kehidupan yang sangat ketara pada hari ini apabila kebanyakan isteri mempunyai kerjaya malah ada yang berpangkat dan berpendapatan lebih tinggi daripada suami. Justeru, keadaan ini adakalanya menjadi penyumbang kepada kepincangan sesebuah keluarga, malahan ia turut menyebabkan kemerosotan prestasi sebagai seorang pekerja.

Dalam hal ini kita dapat melihat bagaimana kaunseling itu berfungsi dalam sesebuah organisasi khususnya bagi memahami isu-isu yang dihadapi oleh pekerja dan bagaimana membantu mereka mencari jalan penyelesaian agar isu yang terbeban tidak menjadi punca pencapaian prestasi yang rendah.

Oleh itu, seharusnya sebagai seorang majikan atau pegawai atasan malah semua staf perlu mendapat latihan dengan kemahiran asas dalam kaunseling agar mereka dapat mengaplikasikannya bagi membantu rakan-rakan setugas serta membantu diri sendiri dalam menghadapi sesuatu masalah yang timbul dalam hidup. Terdapat kursus-kursus asas kaunseling yang ditawarkan misalnya yang dianjurkan di UniMAP sendiri di bawah kelolaan Pusat Kaunseling bagi membantu memahami konsep kaunseling dan menerapkannya dalam kehidupan seharian kita.

Ringkasnya, matlamat kaunseling ialah membantu atau memberi jalan agar manusia dapat mengurus dirinya sendiri sama ada dari segi mental,



perasaan, kerohanian dan tingkah lakunya agar dapat berdikari dalam menyelesaikan permasalahan yang dihadapinya.

Pepatah mengatakan,

“Tiada manusia tanpa masalah. Masalah sebenarnya membuka peluang. Sekali imbas masalah memang halangan, tetapi adakalanya masalah menjanjikan peluang. Atasi semua masalah anda dengan melihat peluang-peluang yang terbuka bersamanya.”



PENCAPAIAN, PENYELIDIKAN, PROSIDING & PENERBITAN

RINGKASAN PENCAPAIAN (JANUARI-DIS 2014)

Bil.	Perkara	2014	Jumlah
1.	Geran Penyelidikan	Luar (17) RM 2,230,659.00 Dalam(6) RM 142,000.00	RM 2,372,659.00
2.	Prosiding Kertas Kerja	Antarabangsa (40) Dan Kebangsaan (13)	53
3.	Jurnal	Impak (2) Terindeks (2) Tak Terindeks (20) Cited (148)	172
4.	BUKU (Buku /Bab Dalam Buku /Diges / Monograf)	30	30
5.	ARTIKEL (Majalah/Akhbar/Buletin/Makalah)	16	16
6.	Pameran	8	8
7.	Penyeliaan	21	21

LAPORAN KPI STAF AKADEMIK PUSAT PENGAJIAN PEMBANGUNAN INSAN DAN TEKNOKOMUNIKASI (IKOM) TAHUN 2014 (JAN- DISEMBER)

1. Geran Penyelidikan

i. Geran Luar

Bil.	Agensi Geran	Nama Geran	Tajuk Penyelidikan	Nama Ketua Penyelidik & Nama Penyelidik	Jumlah Dipohon (RM)
1.	Perbadanan Pembangunan Filem Nasional (FINAS)	Perbadanan Pembangunan Filem Nasional (FINAS)	Transformasi Teknologi Filem di Malaysia: Isu, Kaedah, Proses dan Impak ke atas Industri	i) Prof. Dr. Asiah Sarji (Ketua) ii) Noormaizatul Akmar Ishak iii) Edzham Armin Abdul Rahim iv) Wan Nor Ashiqin Wan Ali v) Nur Azila Azahari vi) Mastura Mahamed	104,250.00
2.	Saudi Arabia	Mufti Arab Saudi	Penyebaran Syiah Terhadap Aqidah Umat Islam	Dr. Amani Ali	119,500.00
3.	Saudi Arabia	Dewan King Abdullah	Samurai dari Arab Saudi	Dr. Amani Ali	200,000.00

Bil.	Agensi Geran	Nama Geran	Tajuk Penyelidikan	Nama Ketua Penyelidik & Nama Penyelidik	Jumlah Dipohon (RM)
4.	Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kem Belia & Sukan	Geran Penyelidikan Pembangunan Belia	Belia dan Pembangunan Komuniti: Suatu Pendekatan Kajian Tindakan Keikutsertaan (<i>Participatory Action Research Approach</i>)	i) Azizan Bahari (Ketua) ii) Noriah Mohamed iii) Mohd Kasturi Md.Noor iv) Tn Muhammad Zukri bin Tn Sembok	28,919.00
5.	SKMM	<i>Networked Media Research Proposal Under Networked Media Research Collaboration Programme</i>	<i>Cyberbullying: A Nationwide Study</i> * Pembentangan proposal dibuat pada 17 Jun di SKMM dan pihak SKMM mencadangkan supaya proposal ditukar daripada kaedah kualitatif kepada kuantitatif. Tajuk penyelidikan asal adalah mengenai aktiviti seksual dalam kalangan remaja di atas talian	i) Dr. Hanif Suhairi Abu Bakar ii) Prof. Dr. Asiah Sarji iii) Cik Nor Syafini Mohd Muhaiyuddin	130,000.00
6.	Perpustakaan Awam Negeri Pahang	Dana Penulisan Manuskrip Pahang	Dirgahayu Tuanku: Kesultanan Melayu Pahang" (1882-1974)	Mohd Kasturi Nor Abd Aziz	6,000.00
7.	FRGS		Hisbah dalam Tangkapan Khalwat.	i) Muhammad Hafiz B. Badarulzaman ii) Alias Azhar iii) Mohamad Azam Hussain iv) Fauziah Mohd Nor v) Shuhairimi Abdullah.	68,200.00
8.	Kementerian Sains & Teknologi (MOSTI)	SCIENFUND 9005-00061	<i>Development of Intelligent Emotional Stress System for Stroke Patients Using Electroencephalogram (EEG) Signals</i>	Ketua Penyelidik Prof. Dr. Rosnah Ismail Penyelidik Bersama i) Dr. M. Murugappan ii) Prof. Dr. Sazali Yaakob iii) Dr. Farugue Reza iv) PM Dr. Kenneth Sundaraj	136,000.00

Bil.	Agensi Geran	Nama Geran	Tajuk Penyelidikan	Nama Ketua Penyelidik & Nama Penyelidik	Jumlah Dipohon (RM)
9.	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	ER6S 9010-00026	Psikologi Kebahagiaan: Penerokaan Konsep dan Pembentukan Indeks Kebahagiaan daripada Sudut Pandangan dan Pengalaman OKU di Malaysia.	Ketua Penyelidik Prof. Dr. Rosnah Ismail Penyelidik i) Ferlis Bullare @ Hj Bahari ii) Prof. Dr. Vincent Pang iii) PM Dr. Chua Bee Seok iv) Jasmine Adela Mutang v) Prof. Dr. Salleh Abd. Rashid	85,585.00
10.	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	FRGS 9003-00381	Penerokaan Konsep dan Pembentukan Model Teori dan Kerangka Intrumen Kesejahteraan Psikologi Orang Kurang Upaya – Pembelajaran (OKU-Pb) di Malaysia.	Ketua Penyelidik Prof. Dr. Rosnah Ismail Penyelidik i) Ferlis Bullare @ Hj Bahari ii) Prof. Dr. Vincent Pang iii) PM Dr. Chua Bee Seok iv) Jasmine Adela Mutang	68,205.00
11.	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	FGRS	<i>Social – Psychological Aspects of Motivation to Recycle Behavior among household Residents</i>	Ketua Penyelidik Jasmine Adela Mutang Penyelidik i) Prof. Dr. Rosnah Ismail ii) PM Dr. Chua Bee Seok iii) Dr. Ferlis Bullare @ Hj Bahari iv) Lailawati Matlan	80,000.00
12.	Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)	FGRS	<i>Investigation on Developing Emotional Stress Model based on Human Biological Signals Characteristics for Predicting the tendency of Suicidal Attempt in Malay</i>	Ketua Penyelidik Dr. M. Murugappan Penyelidik i) Prof. Dr. Rosnah Ismail ii). Prof. Dr. Sazali Yaakob iii) Dr. Kennenth Sundaraj	65,000.00

Bil.	Agensi Geran	Nama Geran	Tajuk Penyelidikan	Nama Ketua Penyelidik & Nama Penyelidik	Jumlah Dipohon (RM)
13.		FRGS	Penghasilan Konsep & Indikator Ketidakupayaan berdasarkan Model Sosial @ Model Perubahan Kesejahteraan OKU di Malaysia	Penyelidik bersama: Prof. Dr. Rosnah Ismail	95,000.00
14.		LRGS	Program Kesepaduan Sosial Negara Subprojek C: Stereotaip, Prejudis dan Diskriminasi Etnik di Sabah	Penyelidik bersama: Prof. Dr. Rosnah Ismail	500,000.00
15.			Kajian Dasar Pembangunan Pelan Tindakan Hak Asasi Manusia Kebangsaan. (<i>National Human Rights Action Plan - NHRAP</i>), Jabatan Perdana Menteri Malaysia	Penyelidik bersama: Prof Datin Paduka Datuk Dr. Hjh. Ramlah Binti Adam	500,000.00 (bagi 43 penyelidik)
16.		Geran Penyelidikan Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri	Hak Pengekalan Warisan Budaya Setiap Kaum di Malaysia	Penyelidik bersama: Mohd Kasturi Nor Bin Abd Aziz	21,000.00
JUMLAH					2,207,659.00

ii. Geran Dalaman

Bil.	Nama Geran	Tajuk Penyelidikan	Nama Ketua Penyelidik & Nama Penyelidik	Jumlah Dipohon (RM)
1.	Geran Sedekad Penubuhan UniMAP	Sedekad Penubuhan UniMAP: Perkembangan Psikososial dalam Kalangan Pelajar, Staf dan Alumni UniMAP	Ketua Dr. Hj. Huzili Hussin Penyelidik bersama Dr. Noriah Mohamed Siti Norayu Mohd Basir Nur Salimah Alias Junainor Hassan	10,000.00
2.	Geran Khas UniMAP	Kajian Impak Sedekad UniMAP	Dr. Huzili Hussin Junainor binti Hassan	15,000.00
